

Media Pembentuk Acuan Bahasa Melayu Warga

Penggunaan bahasa yang tidak terkawal dalam media sosial bukan sahaja boleh mewujudkan suasana tidak tenteram, tetapi juga boleh menyebabkan berlakunya kerosakan kepada perkembangan sesuatu bahasa. Pelbagai bentuk dan kod bahasa baharu muncul dalam media sosial, seolah-olah bahasa Melayu boleh digunakan secara sewenang-wenangnya tanpa mempedulikan peraturan dan sistem tatabahasa yang sedia ada. Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris telah menjadi suatu fenomena biasa bagi pengguna bahasa di media sosial.

“Bahasa menunjukkan bangsa” merupakan pepatah Melayu yang sering digunakan bagi menggambarkan kepentingan bahasa sebagai lambang keperibadian sebuah bangsa di dunia ini. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan budi dan adab ketika berkomunikasi. Orang yang baik dan berbudi menggunakan bahasa yang tinggi nilai dan budayanya. Bagi orang yang pandai menggunakan bahasa sesuai dengan adab sopan serta santunnya, mereka dianggap sebagai orang yang baik-baik, manakala mereka yang kurang sopan dan kurang nilai budinya dianggap sebaliknya. Masyarakat Melayu lama telah mencipta suatu bentuk bahasa yang indah dan bersopan bagi menyampaikan maksud yang berkaitan, sama ada untuk tujuan nasihat, sindiran, gurauan, ugutan dan hal-hal yang berkaitan dengan perjalanan hidup, iaitu peribahasa. Meskipun demikian, dewasa ini dapat diperhatikan bahawa nilai-nilai murni dalam berbahasa semakin terhakis dengan adanya pengaruh sistem dan budaya luar yang semakin menyerapi jiwa dan gaya hidup masyarakat moden.

Menurut Hassan Ahmad (2007), bahasa Melayu telah melalui jangka masa yang panjang untuk

wujud sebagai satu bahasa yang bertamadun di dunia. Jumlah penutur asli bahasa Melayu dikatakan berjumlah kira-kira 16 hingga 18 juta di rantau Nusantara. Manakala jumlah pengguna bahasa yang faham dan tahu menggunakan bahasa Melayu dianggarkan seramai 280 juta di seluruh dunia. Bermula dengan hanya beberapa patah perkataan, bahasa Melayu kemudiannya berkembang dengan menerima pengaruh daripada bahasa-bahasa asing yang dibawa oleh pedagang dan penjajah, bahasa Melayu kemudiannya menjadi bahasa komunikasi atau dikenali sebagai bahasa lingua franca. Perubahan zaman telah memantapkan bahasa Melayu sehingga mampu diangkat menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di beberapa buah negara di rantau Nusantara.

Perkembangan ilmu sains dan teknologi pula turut mempengaruhi cara manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Komunikasi bermula secara lisan, kemudian berkembang pula kepada tradisi tulisan yang menggunakan daun, kertas dan yang terkini dalam talian. Perkembangan ini memperlihatkan pelbagai fenomena wujud dalam sistem komunikasi manusia. Kemunculan pelbagai aplikasi dalam talian memungkinkan komunikasi dilakukan tanpa batasan. Hal ini telah mempengaruhi gaya pemilihan dan penggunaan kata penutur bahasa Melayu ketika berkomunikasi. Dalam arus globalisasi yang lebih mengutamakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu sedikit demi sedikit terpinggir terutama dalam kalangan pengguna bahasa di bandar-bandar besar. Fenomena ini menjadi kebimbangan kerana bahasa Melayu merupakan identiti negara yang menjadi jati diri

rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Situasi ini seolah-olah mencabar kedudukan bahasa Melayu yang telah lama termaktub dalam Perlembagaan Malaysia (Perkara 152) sebagai bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu juga diangkat sebagai bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa pendidikan dan bahasa komunikasi di negara ini.

Media merupakan saluran yang digunakan bagi menyebarkan dan menyampaikan sesuatu mesej atau maklumat. Sejarah perkembangan bahasa Melayu menunjukkan bahawa media memainkan peranan penting sebagai wadah pembinaan bahasa. Media juga berperanan sebagai sumber pembelajaran yang mencorakkan masyarakat kerana media amat berpengaruh untuk mendidik hati, akal dan fizikal khalayak. Media merupakan alat yang mampu merangsang dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku individu atau masyarakat merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Oleh sebab itu, media mempunyai peranan yang besar dalam pembinaan identiti bangsa dan budaya.

Dalam sesebuah negara, media massa menjadi sumber komunikasi dalam kalangan rakyat. Kini, dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, internet digunakan dengan meluas dalam komunikasi seharian khususnya yang melibatkan penggunaan media sosial. Zaman sains dan teknologi ini telah mewujudkan pelbagai medium komunikasi baharu. Kewujudan pelbagai media sosial seperti Facebook, Twitter, Myspace, Instagram, Youtube, dan lain-lain menjadikan medan penggunaan bahasa semakin meluas. Komunikasi tanpa sempadan ini memberikan kesan

Sesiapa sahaja yang ingin mempelajari dan memahami bahasa Melayu tidak perlu lagi datang ke negara-negara yang rakyatnya menggunakan bahasa Melayu, sebaliknya memadai dengan melayari laman web.

positif dan negatif terhadap bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu dalam Facebook misalnya, memberikan kesan kepada pengguna bahasa Melayu tanpa mengira usia. Kesan daripada penggunaan bahasa di laman sosial ini telah mencipta suatu fenomena baharu terhadap perkembangan bahasa Melayu.

Antara kesan positif yang dapat dilihat termasuklah media dapat mengembangkan bahasa Melayu dengan lebih luas. Sesiapa sahaja yang ingin mempelajari dan memahami bahasa Melayu tidak perlu lagi datang ke negara-negara yang rakyatnya menggunakan bahasa Melayu, sebaliknya memadai dengan melayari laman web yang menyediakan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam talian. Bahan rujukan yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan juga boleh didapati dengan mudah tanpa perlu mencarinya di kedai buku mahupun perpustakaan. Laman web profesional seperti LinkedIn, Academia.com, dan research gate merupakan tempat bagi mereka yang berminat



untuk mengkaji bahasa Melayu mendapatkan bahan rujukan sama ada yang berbentuk artikel ilmiah ataupun buku. Ahli-ahli bahasa juga dapat bertukar-tukar pendapat secara dalam talian dan berupaya menghasilkan kajian dan penerbitan dengan lebih cepat.

Media cetak seperti buku, jurnal, akhbar dan majalah kini juga dapat diakses melalui laman web. Hal ini memudahkan segala maklumat berlandaskan kepada khalayak. Saban hari kita dihadirkan dengan maklumat terbaharu dan aplikasi terkini yang dicipta dalam usaha memendekkan jurang komunikasi antara manusia yang merentasi budaya dan sempadan negara yang berjuta-juta batu jauhnya. Dengan adanya media yang semakin canggih ini, masyarakat dunia tidak lagi terasing antara satu sama lain. Penyebaran bahasa menjadi semakin mudah dan murah. Komunikasi tanpa had ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh masyarakat di negara maju, bahkan dapat dinikmati oleh masyarakat di negara membangun. Malaysia sebagai sebuah negara yang terdedah dengan globalisasi turut mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam komunikasi.

Langkah ini secara tidak langsung mampu membuka mata negara luar untuk mengenali Malaysia. Rakyat Malaysia seharusnya mengambil peluang ini untuk mengukuhkan kedudukan dan mutu bahasa kebangsaan dan seterusnya menyebarkan bahasa kebangsaan ke seluruh dunia.

Namun begitu, media juga boleh mendatangkan kesan negatif kepada perkembangan bahasa dan hubungan sesama manusia. Generasi hari ini amat bergantung pada media sosial untuk berhubung antara satu sama lain, bahkan cara hidup dan amalan seharian mereka turut

dipengaruhi oleh media ini. Walau di mana-mana sahaja berada, kita akan dapat melihat manusia leka melayari internet melalui peranti pintar masing-masing.

Penggunaan bahasa yang tidak terkawal dalam media sosial bukan sahaja boleh mewujudkan suasana tidak tenteram, tetapi juga boleh menyebabkan berlakunya kerosakan kepada perkembangan sesuatu bahasa. Pelbagai bentuk dan kod bahasa baharu muncul dalam media sosial, seolah-olah bahasa Melayu boleh digunakan secara sewenang-wenangnya tanpa mempedulikan peraturan dan sistem tata bahasa yang sedia ada. Percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris telah menjadi suatu fenomena biasa bagi pengguna bahasa di media sosial. Akibatnya, bahasa Melayu mula menjadi bahasa rojak yang bercampur-aduk, yang bukan sahaja melibatkan golongan muda, malah turut melibatkan golongan dewasa yang kini turut berasa selesa dengan penggunaan bentuk bahasa ini.


Pengguna bahasa hari ini cenderung untuk mencipta bentuk

bahasa mereka sendiri. Contohnya, mereka lebih gemar menggunakan bentuk singkatan kata seperti ak/ aq (aku), nk (hendak), g (pergi), td tadi), x (tidak), law (kalau), kete (kereta), lh (lah), apbt (apa pun tak boleh). Penyingkatan kata ini sering digunakan dalam ayat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Bentuk-bentuk seperti yang dinyatakan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat bahasa hari ini sudah mula sedikit demi sedikit terkeluar dari landasan penggunaan bahasa standard yang betul. Hal ini mungkin tidak akan mendatangkan masalah dalam jangka masa terdekat, tetapi akan menimbulkan masalah apabila pelajar yang sedang menduduki peperiksaan menggunakan bentuk-bentuk bahasa seperti ini untuk menjawab soalan peperiksaan kertas bahasa Melayu. Kebimbangan ini pernah disuarakan oleh Nik Nor Ahmarizam Nik Ahmad dalam *Dewan Bahasa* Jun 2012 menerusi tulisannya yang mengatakan, "Penggunaan bahasa melalui media baharu pula, seperti

Jadual 1 Penggunaan singkatan dalam ayat.

Bil.	Penggunaan singkatan dalam ayat	Maksud
1.	esk aq nk g medan jp lh...aq nk jumpe adk aq kt flat 11 jp.	Esok aku hendak pergi ke medan sekejaplah. Aku nak jumpa adik aku di flat 11 sekejap
2.	g gak aku kls kol 8...padahal td nyaris2 nk sambung tdo je...gigih.	Pergi juga aku ke kelas pada pukul 8, padahal tadi nyaris-nyaris nak sambung tidur saja. Gigih.
3.	alrit nk tdo...ngntuk.	Baiklah, nak tidur...mengantuk.
4.	Bende yg ak x buat, jgn tuduh ak buat.	Benda yang aku tak buat, jangan tuduh aku buat.
5.	law ada kete skunk gak aku g amek ko.	Kalau ada kereta, sekarang juga aku pergi ambil engkau.
6.	Takde msh still boleh join.	Tiada masalah, masih boleh ikut serta.
7.	Bosan la sini apbt ->	Bosanolah di sini apa pun tak boleh.



Facebook atau Twitter, pada hakikatnya belum mencapai tahap penggunaan bahasa baku secara maksimum. Sukar untuk seseorang guru bahasa Melayu atau pakar bahasa membaiki kesalahan bahasa melalui laman sosial tersebut kerana penggunanya teramat banyak. Walau bagaimanapun, sebagai pencinta bahasa, kita sememangnya bertanggungjawab untuk bersama-sama menegur seseorang secara maya dan berhemah betapa perlunya seseorang pengguna laman sosial itu menggunakan bahasa Melayu baku dalam Facebook atau Twitter".

Situasi yang dialami ini menunjukkan bahawa media

massa, media elektronik dan media sosial sememangnya mempunyai peranan yang sangat penting dalam usaha memastikan bahasa kebangsaan terus menjadi bahasa yang disanjung tinggi oleh masyarakat dunia. Keunikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak harus dikorbankan dengan membiarkan senario penggunaan bahasa yang cacaramba ini berleluasa. Bahasa merupakan wadah utama dalam usaha mendidik dan menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Bahasalah juga yang dijadikan acuan yang membentuk akhlak dan sahsiah diri seseorang. Penggunaan bahasa Melayu yang kaya dengan nilai sopan

santun, adab dan budi bahasa yang tinggi harus dipelihara agar jati diri masyarakat Malaysia yang berteraskan kebudayaan kebangsaan dapat diwarisi dari generasi ke generasi.

Generasi akan datang merupakan generasi yang dibentuk melalui acuan yang ada pada hari ini. Bagi mengelakkan daripada terus-menerus dilabel sebagai agen perosak bahasa masyarakat, media perlu kembali kepada peranannya yang asal sebagaimana yang dimainkan pada era praamerdeka, iaitu sebagai saluran utama komunikasi yang mampu dijadikan sebagai wadah untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi, sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Untuk itu, kata-kata Laksamana Hang Tuah "takkan Melayu hilang di dunia" harus dijadikan azimat dan peringatan agar bahasa yang diperjuangkan ini akan terus lestari sepanjang zaman.

Usaha kerajaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memantau dan memberikan garis panduan penggunaan bahasa Melayu yang sesuai dalam media sosial dan media elektronik haruslah mendapat sokongan dan menjadi ikutan semua pihak. Pihak pengamal media pula haruslah akur dengan garis panduan berbahasa yang disediakan ini. Dengan cara ini, media secara tidak langsung dapat membantu usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa komunikasi pada semua peringkat oleh segenap anggota masyarakat, baik dalam negara mahupun luar negara. "Maju bahasa, majulah bangsa." DB